

**METODOLOGI DAN PEMIKIRAN SYAYKH MUSTAFA
ABDUL RAHMAN: KAJIAN TERHADAP TAFSIR AL-
QURAN AL-HAKIM JUZU SATU.**

Muhamad Fadlly bin Ismail*

Nor Hafizi bin Yusof**

Wan Ruswani binti Wan Abdullah***

Abstract

The work of interpretation on the Malay Archipelago, especially in the Malay Land in the early 20th century was greatly influenced by the reformation of Islam in Middle East, triggered by Syaykh Muhammad Abduh (1849-1905). The works of the reformists have inspired many Islah scholars, especially in the study of interpretations. This article discusses how far the methodology and thinking of a local interpretation scholar, Syaykh Mustafa Abdul Rahman Mahmud (1918-1968) have contributed to the interpretation of Tafsir al-Quran al-Hakim, focusing on the first volume. Therefore, this research has found that Syaykh Mustafa Abdul Rahman Mahmud methodology and thinking culture in the first volume of the Tafsir al-Quran al-Hakim was influenced by the innovation flow, adopting the Tafsir al-Manar and Tafsir al-Maraghi as reference and guide.

Keyword: Interpretation, Malay, Quran, Mustafa Abdul Rahman, Tafsir al-Quran al-Hakim.

* Pelajar Doktor Falsafah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UniSZA.

** Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UniSZA.

***Pensyarah Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, POLISAS.

PENDAHULUAN

Mufassir aliran islah di Tanah Melayu telah muncul pada awal abad ke 20 Masihi. Ia bermula apabila senario pengajian pelajar-pelajar Melayu mula berubah, di mana Mesir muncul sebagai destinasi baru dan menjadi pusat pengajian ilmu Islam. Malah kemunculan Mesir sebagai destinasi ilmu disebabkan kemunculan Universiti al-Azhar yang dianggap sebagai Manar al-'Ilm dan Ka'bah al-'Ilm bagi dunia Islam¹.

Penulisan tafsir terawal ialah terjemahan kitab *Tafsir al-Baydawi* yang telah ditulis oleh Tok Pulau Manis. Bermula daripada itu, bidang pengajian al-Quran mempunyai sejarahnya tersendiri di dalam perkembangannya di Tanah Melayu ini. Antara terjemahan karya tafsir islah terbesar yang berjaya dilakukan oleh ulama tempatan di dalam bidang ini ialah terjemahan kitab *Tafsir al-Quran al-Hakim* yang telah disusun oleh Syaykh Mustafa Abdul Rahman sebagai rujukan samada secara langsung atau tidak langsung².

Kitab *Tafsir al-Quran al-Hakim* ini dihasilkan oleh Syaykh Mustafa Abdul Rahman Mahmud dan ia banyak dibantu oleh gurunya iaitu Haji Abdullah Fahim. Sehingga beliau berjaya menyiapkan sebanyak 27 juzu' kitab Tafsir al-Quran al-Hakim³. Namun kitab tafsir ini mengambil masa yang lama untuk disiapkan. Juzu' pertama diterbitkan pada tahun 1949, manakala juzu' ke 16 diterbitkan pada tahun 1963. Tafsir ini berjaya disiapkan sehingga surah Taha ayat 153. Usaha beliau untuk mentafsir sehingga 30 juzu' tidak kesampaian kerana meninggal dunia. Karya ini diberi pengiktirafan oleh Haji Abdullah Fahim kerana dilihat sangat sesuai dibaca oleh umat Islam disebabkan susunannya yang baik dan tidak terlalu panjang atau tidak terlalu pendek⁴.

1 M. S. Muhammad (1950), al-Azhar Kiblat Pengajaran Dunia Islam, Qalam, Bil. 4, 3.

2 Mustafa Abd al-Rahman Mahmud (1959), Tafsir al-Quran al-Hakim, Penggal 1, Pulau Pinang: Persama Press, 41.

3 Temu bual penulis bersama isteri Syaykh Mustafa Abd al-Rahman di rumahnya, Segambut, Kuala Lumpur.

4 Mustafa Abd al-Rahman Mahmud (1959), Tafsir al-Quran al-Hakim, Penggal 1, Pulau

Dalam artikel ini, penulis akan cuba melakukan kajian terhadap karya tafsir Syaykh Mustafā Abdul Rahman, khususnya juzu' pertama, sama ada dari segi metodologi penyusunan mahupun pemikirannya. Namun, sebelum memasuki pembahasan utama yang berkaitan dengan metodologi dan pemikirannya, terlebih dahulu penulis akan membincangkan tentang biografi Syaykh Mustafā Abdul Rahman seperti nama, kelahiran, keluarga, pendidikan, guru-guru dan beberapa karya ilmiah yang dihasilkan olehnya.

Biografi Pengarang

Nama sebenar beliau ialah Mustafā bin Abdul Rahman bin Mahmud bin Salleh. Beliau dilahirkan 1918 di Gunung Semangol, Perak. Dalam kalangan penduduk kampungnya, beliau dipanggil ringkas dengan sebutan "*pak wa*". Manakala dalam kalangan gurunya, ia dipanggil dengan nama Mustafā Naim⁵.

Susur keturunan beliau daripada ayahnya berasal dari Kampung Dewan Beta, Kota Bharu, Kelantan. Datuknya bernama Mahmud bin Salleh, tinggal di tepi laut di Kuala Selising. Manakala dari sebelah ibunya berasal dari Klang iaitu penduduk asal Bugis. Mereka berdua bertemu jodoh, dan berpindah ke Gunung Semangol, Perak. Hasil perkongsian hidup mereka, maka lahirlah Haji Abdul Rahman.

Syaykh Abdul Rahman adalah lepaan tinggi di Masjidil Haram, Makkah al-Mukarramah. Beliau merupakan antara orang Melayu terawal yang mendapat pendidikan ke sana. Keluarganya adalah dari kalangan yang sangat cenderung kepada bidang agama serta kuat beribadah⁶. Beliau juga mengambil bidang pengajian Usuluddin dan Syariah di Mesir. Setelah pulang dari Mesir, beliau

Pinang: Persama Press, 41.

5 Che Hasmawati Che Awang (2004), Ustaz Mustafā Abdul Rahman: Sejarah Hidup Dan Sumbangannya Dalam Ilmu Hadith Di Malaysia, Disertasi, Kuala Lumpur; APIUM, Universiti Malaya, 44.

6 Nabir Hj. Abdullah (1979), Perkembangan Pelbagai Aliran Islam Perak Dengan Kajian Khusus Berkenaan al-Ihya' Al-Syariff, Gunung Semangol, Bangi: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 29.

membuka sebuah pondok bernama Pondok *al-Rahmaniah* pada tahun 1918. Ramai masyarakat Islam datang ke pondok berkenaan untuk menuntut ilmu sama ada dari dalam atau luar negeri. Ilmu yang diajar di pondok berkenaan mencakupi ilmu hadith dan tafsir⁷. Mustafa Abdul Rahman merupakan anak sulung dari 7 adik beradik iaitu Fatimah⁸, Rokiyah⁹, Mahmud¹⁰, Ustazah Kalthom, Dr. Ahmad¹¹. Manakala adiknya yang bongsu telah meninggal dunia sejak kecil lagi.

Kerjaya Pendidikan

Syaykh Mustafa Abdul Rahman telah memulakan pendidikannya di Pondok *al-Rahmaniah* yang telah diasaskan oleh bapanya Haji Abdul Rahman Mahmud di Gunung Semanggol pada tahun 1918. Setelah itu, Mustafa Abdul Rahman meneruskan pengajiannya di Sekolah Melayu, Semanggol hingga ke darjah 5 iaitu kelas yang paling tinggi pada masa itu. Syaykh Mustafa Abdul Rahman mendapat pendidikan awal secara formal di Sekolah Melayu, Gunung Semanggol. Beliau kemudian, melanjutkan pelajarannya di peringkat menengah di Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar selama 6 tahun. Beliau sempat berguru dengan Ustaz Abdullah Fahim yang merupakan antara tokoh ulama yang terkenal pada masa itu.

Syaykh Mustafa kemudiannya menyambung pelajaran ke Maahad *Ihya' al-Syarif* yang ketika itu ditadbir oleh Ustaz Abu Bakar al-Baqir. Maahad *Ihya' al-Syarif* merupakan kesinambungan dari Pondok *al-Rahmaniah* yang diasaskan oleh bapa beliau sendiri

7 *Ibid.*, 54.

8 Fatimah ialah isteri Ustaz Abu Bakar al-Bakir iaitu pengasas Maahad al-Ihya' al-Syariff. Fatimah meninggal dunia pada 13hb. Julai 1974. Ishaq Mohd. Rejab (1983), Tokoh dan Pokok Pemikiran Syeikh Abu Bakar Baqir, Bengkel Kepemimpinan dan Pengajian Kebudayaan Perak di Tepian Gelanggang Negeri, Ipoh, Perak, 20-23 Oktober 1983, Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, 6.

9 Rokiah dan suaminya Hj. Omar merupakan tenaga pengajar di Maahad *al-Ihya' al-Syariff*. Che Hasmawati Che Awang (2004), *op. cit.*, 45.

10 Mahmud adalah adik Mustafa bin Abd al-Rahman yang keempat. Beliau bekerja sebagai kerani di Maahad al-Ihya' al-Syariff, *ibid.*

11 Beliau bekerja sebagai Doktor Homeopati di Perak dan turut bertanggungjawab menjaga pengurusan Maahad *al-Ihya' al-Syariff*, *ibid.*

iaitu Ustaz Abdul Rahman Mahmud. Selepas tamat pengajian di sana, beliau bersiap untuk menyambung pelajaran ke Mesir. Namun begitu, beliau terpaksa membatalkan hasratnya apabila bapanya meninggal dunia. Oleh kerana beliau merupakan anak sulung, maka beliau mengambil tanggungjawab untuk menjaga dan menguruskan ibu dan adik-adiknya.

Ternyata Mustafa Abdul Rahman mampu menguasai bahasa Arab dan bahasa Inggeris dengan baik, hasil pendidikan yang diperolehinya bermula di Pondok *al-Rahmaniah* milik ayah beliau. Pembelajaran di Sekolah Menengah Idrisiyyah yang memberikan beliau ruang yang lebih luas untuk mendalami bahasa Inggeris di samping pembacaan beliau. Beliau juga mengikuti pendidikan secara tidak formal dengan gaya pos. Beliau menguasai bahasa Arab melalui pengajian dengan guru-guru di pondok, Sekolah Menengah Idrisiah dan melalui pembacaan kitab-kitab Arab.

Guru-guru

Syaykh Mustafa Abdul Rahman pada mulanya diajar oleh bapanya sendiri Haji Abdul Rahman Mahmud. Di antara guru beliau yang cukup terkenal ialah Syaykh Abdullah Fahim. Selain itu, beliau juga pernah berguru dengan beberapa orang guru daripada seberang Selat Melaka seperti Syaykh Mustafa Ramadhan yang berasal daripada Yugoslavia, manakala isterinya berasal daripada Singapura dan mengajar di Maahad *Ihya' al-Sharif*. Selain itu juga, beliau turut berguru dengan Syaykh Hassan Yamani dan Syaykh Abu Mas'ud yang berasal dari Tanah Arab dan Mekah.

Syaykh Mustafa Abdul Rahman menuntut ilmu dalam bidang Tafsir Al-Quran daripada gurunya Syaykh Abdullah Fahim yang lama menetap di Mekah. Sebagai seorang yang mengajarnya, Syaykh Abdullah Fahim banyak membantunya dalam menyiapkan Tafsir Al-Qur'an Al-Hakim. Syaykh Abdullah Fahim juga telah membantu menulis muqaddimah di dalam kitab ini.

Di antara guru-gurunya yang lain ialah mereka yang pernah mengajar beliau di Sekolah Melayu Gunung Semanggol dan Madrasah Idrisiah Kuala Kangsar:

1. *Al-Fadl Haji Abu Bakar al-Baqir b. Mohd Sa'id*
2. *Haji Ahmad al-Subki*
3. *Haji Mahayudin Mohd. Sa'id*
4. *Abdullah Sa'id*
5. *Haji Umar Haji Sa'id*
6. *Haji Idris Isma'il*
7. *Haji Isma'il Darus*

Abdullah Fahim, Abu Bakar al-Bakir, Ahmad Fuad, Ahmad al-Subki, Yahya Nasim, Sulaiman Najib, Jamaluddin Idris. Manakala guru-gurunya dari luar negara ialah Syaykh Sulaiman Abu Mas'ud dari Mekah¹². Syaykh Abdullah Fahim adalah guru yang paling memberikan pengaruh kepadanya. Beliau banyak menolongnya dalam menyiapkan kitab *Tafsir al-Quran al-Hakim*. Beliau meninggal pada jam 8 pagi, 28 April 1961 ketika berumur 92 tahun¹³.

Murid-murid

Syaykh Mustafa Abdul Rahman mempunyai bilangan murid yang ramai. Murid-muridnya terdiri dari orang tempatan dan luar negeri. Antara murid-muridnya ialah Abdullah Abdul Wahab, Abdullah Serji, Abdul Gani Abdul Kadir, Hussain Ya'kub, dan lain-lain. Manakala murid perempuannya ialah Napisah Ariffin, Asmah Jamaluddin dan lain-lain¹⁴.

Perkahwinan

12 *Ibid.*, 48.

13 Terdapat perbezaan pada tarikh kematian beliau. Di dalam kertas kerja yang dibentangkan oleh Ishak Mohd. Rejab menyatakan tarikh kematiannya ialah 18 April 1961. Tajuddin Saman (1993), *Tokoh Ulama' Nusantara*, (t.t.p); Berita Publishing Sdn. Bhd, 55.

14 Mereka berdua sekarang merupakan tenaga pengajar di Sekolah Menengah Agama Raja Perempuan Ta'ayah di Ipoh, Perak, Che Hasmawati Che Awang (2004), *op. cit.*, 50.

Syaykh Mustafa Abdul Rahman berkahwin ketika berumur 26 tahun dengan perempuan pilihan keluarganya iaitu Robiyah binti Yahya. Perkahwinannya dilangsungkan pada bulan Februari 1943. Ketika itu isterinya berumur 17 tahun. Perkahwinan beliau tidak dikurniakan anak. Mereka berdua mengambil dua anak angkat iaitu Farid bin Mustafa dan Nor Aisyah binti Mohd. Zain¹⁵.

Keperibadian

Secara fizikal, Syaykh Mustafa Abdul Rahman orangnya agak kurus, mempunyai kulit yang sedikit gelap dan ketinggian yang sederhana. Ia lebih suka memakai baju Melayu, berkain pelikat, bersongkok dan tidak gemar memakai seluar panjang. Syaykh Mustafa Abdul Rahman banyak mewarisi sifat-sifat yang dimiliki oleh ayah beliau seperti minat menuntut ilmu dan menyebarkannya kepada orang lain. Menurut isteri dan anak-anak angkatnya serta orang terdekat dengannya, beliau seorang yang sangat pendiam sejak kecil lagi. Beliau hanya bercakap perkara-perkara yang berfaedah dan ketika perlu sahaja. Beliau tidak pandai berseloroh dan bergurau¹⁶.

Syaykh Mustafa Abdul Rahman juga mempunyai ingatan yang kuat, rajin membaca, mengulangkaji dan rajin menulis. Beliau juga hanya akan tidur sekejap waktu malam dan lebih banyak menghabiskan masanya dengan membca hingga ke awal pagi¹⁷. Kalau di siang hari, ia lebih banyak mengajar.

Karya Penulisan

Antara faktor yang mendorongnya untuk menulis ialah kerana kecenderungan, kesungguhan dan minat yang timbul dari dalam dirinya sendiri kepada bidang penulisan. Selain itu, kerana tekanan hidup pada masa itu disebabkan Syaykh Mustafa Abdul Rahman

15 *Ibid.*, 51.

16 *Ibid.*, 52

17 *Ibid.*, 53

kehilangan kerja apabila tempat beliau mengajar di Maahad *Ihya al-Syarif* ditutup buat sementara. Oleh itu, beliau berpindah ke Pulau Pinang dan tinggal berhampiran dengan Syarikat Percetakan Yusuf Rawa. Disinilah bermulanya salah satu karyanya iaitu kitab *Tafsir Quran al-Hakim*¹⁸ oleh Mustafa Abdul Rahman dan ia banyak dibantu oleh gurunya Haji Abdullah Fahim. Akhirnya, Syaykh Mustafa Abdul Rahman berjaya mengarang sebanyak 27 juzu' kitab *Tafsir Quran al-Hakim*.

Namun begitu, kitab tafsir ini mengambil masa yang lama untuk disiapkan, juzu' pertama diterbitkan pada tahun 1949, manakala juzu' enam belas diterbitkan pada tahun 1953. Tafsir ini berjaya disiapkan sehingga surah Taha iaitu ayat 135. Usaha Syaykh Mustafa Abdul Rahman untuk mentafsir keseluruhan sehingga juzu' tiga puluh tidak kesampaian kerana meninggal dunia. Karya ini juga mendapat pengiktirafan oleh Haji Abdullah Fahim kerana dilihat sangat sesuai dibaca oleh masyarakat awam¹⁹. Antara karya beliau ialah :

a.Kitab Hadith

Kitab Hadis 40 terjemah dan syarah, Kitab terjemah *Mukhtasar Abi Jamrah*, Kitab *Pedoman Hadith Junjungan Rasulullah*, Kitab Sabda Utusan Ilahi dan kitab-kitab pelajaran hadith untuk penuntut di Tanah Melayu.

b.Kitab Tafsir

Syaykh Mustafa Abdul Rahman berjaya mengarang 30 juzu' kitab *Tafsir al-Quran al-Hakim*. Menurut isterinya, kitab ini mengambil masa yang lama untuk disiapkan hingga belasan tahun²⁰. Hasrat beliau menghabiskan pentafsiran hingga 30 juzu' tidak kesampaian, kerana beliau meninggal. Kitab-kitab tafsir beliau dicetak oleh Syarikat Hj. Muhammad Ali b. Hj. Muhammad al-Rawa²¹.

18 *Ibid.*, 55

19 Mustafa Abdul Rahman (1959), *Tafsir al-Quran al-Hakim*, Penggal 1, Pulau Pinang Persama Press, 4. Mustafa Abdul Rahman: *Sejarah Hidup dan Sumbangannya Dalam Ilmu Hadith di Malaysia* (Disertasi Jabatan AlQuran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), 41-92.

20 Temu bual penulis bersama isteri Syaykh Mustafa Abdul Rahman.

21 *Ibid.*, 56.

c.Kitab Sejarah

Antara karyanya ialah *Sejarah Ekonomi Islam, Kebudayaan Islam, Sejarah Islam* dan lain-lain. Buku Sejarah Islam ini, ditulis oleh beliau untuk dijadikan buku teks di sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah agama rakyat di seluruh persekutuan Tanah Melayu. Buku ini ditulis dalam beberapa jilid yang membincangkan mengenai topik-topik penting. Buku ini diterbitkan buat pertama kali pada tahun 1960 oleh Hj. Yusuf Rawa. Buku ini ditulis sebanyak 6 jilid.

Manakala Buku *Sejarah Ekonomi Islam* ini dipetik dari buku-buku lain. Antaranya *kitab al-Iqtisad li al-Banin wa al-Banat, kitab al-Huquq al-Wataniyyah, kitab Khalasah al-Iqtisad al-Siyasi, kitab al-Iqtisad al-Siyasi*. Buku ini setebal 78 halaman membincangkan tentang takrif ekonomi, sejarahnya, teori ilmu ekonomi dan lain-lain²².

Seterusnya buku *Kebudayaan Islam* setebal 76 halaman. Di dalamnya ditampikan pengertian kebudayaan dan pengaruhnya, unsur-unsur yang membentuk kebudayaan Islam yang memberi sumbangan besar ke arah fikiran serta kemajuan peradaban dunia seluruhnya. Buku ini banyak merujuk kepada buku bahasa Arab seperti yang ditulis oleh Sayyid `Ali Fikr dan al-Syaykh Mustafa al-Ghalaysini. Ia juga memetik pendapat-pendapat ilmuan Barat seperti Edward Gibbon dan George Bernard Show²³.

d.Kitab Akhlak

Antara karyanya dalam bidang akhlak ialah *kitab Pedoman Hidup, kitab Sendi Pergaulan Dalam Islam, kitab Falsafah Hidup Rasulullah*, dan lain-lain.

e.Kitab Aqidah

Karyanya dalam bidang Aqidah ialah kitab *Kesejahteraan Agama dan Dunia*. Buku *Kesejahteraan Agama dan Dunia* telah diterjemah

22 Mustafa Abdul Rahman (1954), *Sejarah Ekonomi Islam*, Pulau Pinang; Maktab Hj. Abdullah b. Muhammad Noordin al-Rawi, 4.

23 Mustafa Abdul Rahman (1956), *Kebudayaan Islam*, Pulau Pinang; Daud Press, hlm. Muqaddimah.

dan disusun oleh Syaykh Mustafa Abdul Rahman. Penulis sebenar kitab ini ialah Imam al-Mawardi yang dipetik daripada kitabnya yang berjudul *Adab al-Dunya wa al-Din*. Untuk menghuraikan isi kandungan kitab ini, pengarang telah menggunakan kitab syarahnya yang bernama *Minhaj al-Yaqin*. Buku setebal 63 halaman ini diterbitkan oleh Syarikat al-Zainiah, Taiping. Buku ini membincangkan hubungan kait antara kehidupan manusia, dunia dan agama²⁴.

Metodologi Dan Pemikiran Syaykh Mustafa Abdul Rahman

Beberapa penemuan membuktikan Syaykh Mustafa Abdul Rahman terpengaruh dengan aliran *Tafsir al-Manar* dan *Tafsir al-Maraghi* sebagai rujukan kitab *Tafsir Al-Quran Al-Hakim* sama ada secara langsung atau tidak langsung²⁵. Ia tidak menghairankan kerana latar belakang pendidikan Mustafa Abdul Rahman itu sendiri yang merupakan bekas pelajar Maahad al-Ihya' Al-Syarif yang terkenal sebagai madrasah aliran islah²⁶ dan murid kepada Abu Bakar al-Baqir pengasas Hizbul Muslimin yang banyak berpengaruh dengan pemikiran reformis dari Timur Tengah²⁷.

Antara beberapa karya ahli tafsir lain sezaman Syaykh Mustafa Abdul Rahman yang banyak terpengaruh dengan pemikiran reformis dari Timur Tengah ialah karya *Tafsir al-Rawi* oleh Haji Yusuf Rawa mula diterbitkan pada tahun 1950²⁸. Kitab ini adalah sebuah karya tafsir ringkas yang memuatkan surah-surah yang terkandung dalam juzu' 'Ammah. Ia dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian

24 Mustafa Abdul Rahman (t.t), Kesejahteraan Dunia dan Agama, Taiping; Syarikat al-Zainiah, hlm. Muqaddimah.

25 Mustafa Abdul Rahman (1959), Tafsir al-Quran al-Hakim, Penggal 1, Pulau Pinang Persama Press, 48-49. Muhammad Rasyid Rida (1999), Tafsir al-Manar, Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, j. 1, 281-282.

26 Nabir bin Hj. Abdullah (1976), Maahad al-Ihya' al-Syarif Gunung Semanggol 1934-1959, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 267.

27 Suara Islam, bil. 9, Ogos 1957, hlm. 26. Mohd Sarim bin Mustajab (1979), Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu 1906 hingga 1948, dalam Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan, 171.

28 Lihat bahagian awal dan akhir kitab Tafsir al-Rawi dan lihat juga Kamaruddin Jaafar (2000), Memperingati Yusuf Rawa, Kuala Lumpur, IKDAS Sdn. Bhd, 3.

satu dan bahagian dua. Bahagian satu mengandungi tafsiran surah al-Fatihah sehingga surah al-Dhuha. Manakala bahagian kedua pula bermula dengan surah *al-Layl* sehingga surah *al-Naba'*. Karya tafsir ini mendapat pengiktirafan daripada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan melalui surat perakuan yang terdapat di dalam kitab *Tafsir al-Rawi* bertarikh 2 Mac 1952. Karya tafsir ini pernah dijadikan buku bacaan di sekolah-sekolah agama darjah khas di Persekutuan Tanah Melayu²⁹.

Begitu juga kitab *Tafsir Pimpinan al-Rahman* karya Syaykh Abdullah Basmeih yang diedit oleh Mantan Mufti Kelantan, Mohd Noor Hj. Ibrahim turut menyenaraikan *Tafsir al-Manar* dan *Tafsir al-Maraghi* sebagai rujukan³⁰. Malah penggunaan *Tafsir al-Manar* sebagai rujukan dan tafsir lain yang sealiran dengannya secara langsung menyebabkan aliran *Tafsir al-Manar* sedikit sebanyak mempengaruhi aliran *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Melalui tafsir ini juga pengaruh aliran islah berkembang dalam masyarakat Islam tempatan memandangkan *Tafsir Pimpinan al-Rahman* mendapat sambutan yang menggalakkan dikalangan masyarakat Islam di Malaysia.

Selain itu, Syaykh Abu Bakar Asha'ari menerusi karya tafsirnya *Intisari Tafsir Juzu' 'Amma* tidak ketinggalan menerima pengaruh islah. Karya tafsir *Intisari Tafsir Juzu' 'Amma* adalah sebuah karya bidang tafsir berbahasa Melayu yang ditulis dengan menggunakan tulisan Jawi lama oleh Syaykh Abu Bakar Asha'ari. Kitab ini dicetak oleh Persama Press yang beralamat di 83-85 Acheh Street, Pulau Pinang pada bulan Februari 1962. Syaykh Abu Bakar Asha'ari telah menerima pendidikan dari Universiti al-Azhar, Mesir sepanjang tujuh tahun bermula tahun 1925 hingga 1932³¹. Jangkamasa masa beliau di penghujung zaman Rashid Rida dan keadaan itu memungkinkan beliau menerima tempias yang sama.

29 Ibn Abdullah al-Rawi (t.t.), *Tafsir al-Rawi Juzu' 'Amma 1 & 2*, Pulau Pinang: Matba'ah Hj. Abdullah bin Muhammad Nur al-Din al-Rawi, halaman akhir.

30 Syaykh Abdullah Basmeih (t.t.), *Tafsir Pimpinan Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, Mohd Noor Hj. Ibrahim (ed.), Kuala Lumpur: Darul Fikri, . xv.

31 Mohd Kamil (1990.), *Tokoh-tokoh Pemikir Dakwah*, Selangor: Dewan Pustaka Salam, 113.

Berikut adalah penelitian penulis terhadap metodologi penyusunan *Tafsir Al-Quran Al-Hakim Juzu' 1* dan pemikiran Syaykh Mustafa Abdul Rahman sehingga huraian dan tafsirnya dilihat mempunyai ciri-ciri persamaan dengan *Tafsir al-Manar* dan *Tafsir al-Maraghi* yang menjadi rujukan.

1. Metodologi Tafsir Al-Quran Al-Hakim Juzu' 1.

Berikut adalah penelitian penulis terhadap metode penyusunan daripada *Tafsir Al-Quran Al-Hakim*, memfokuskan pada Juzu' 1:

1. Pengarang memulakan penulisan dengan memaparkan 2 surah daripada al-Quran, iaitu Surah al-Fatihah dan Surah al-Baqarah dari ayat 1 hingga ayat 141.

2. Sebelum itu, pengarang kitab memuatkan sepatah kata daripada Sohib al-Fadilah al-Ustaz al-Kabir al-Syaykh Abdullah Fahim, mudir pondok al-Ma'arif al-Wataniah, Kepala Batas, Pulau Pinang³². Ucapan itu bermula dengan puji-pujian kepada Allah s.w.t., selawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w. Seterusnya beliau memuji Mustafa Abdul Rahman yang telah menulis kitab *Tafsir al-Quran al-Hakim* dalam bahasa Melayu dengan cara yang sangat munasabah susunan dan keterangannya. Beliau berharap agar kitab tafsir ini dapat diselesaikan dan dimanfaatkan oleh masyarakat Melayu. Beliau juga mendoakan semoga Allah s.w.t. membalas usaha baik pengarang di dunia dan akhirat.

3. Kemudian dimuatkan kata-kata aluan daripada pengarang yang memulakan ucapan dengan puji-pujian kepada Allah s.w.t. dan selawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w.³³. Beliau telah menerangkan tujuan al-Quran diturunkan. Beliau juga membawa contoh negara-negara yang telah menterjemahkan al-Quran ke dalam bahasa mereka, sedangkan di Tanah Melayu masih belum ada kitab tafsiran al-Quran yang mudah difahami dan ringkas atau terjemahannya dalam bahasa Melayu. Beliau menulis kata-kata aluan ini pada 18 Rabi'ul Awwal 1368H bersamaan 19 Januari 1949M.

32 Mustafa Abdul Rahman, *Tafsir Al-Quran Al-Hakim*, Al-Yamani, .1-2, j. 1.

33 *Ibid.*, 3-4.

4. Pengarang meletakkan nama surah yang bakal dikongsikan bersama pembaca, dalam kurungan³⁴, seperti:

(سورة الفاتحة)

5. Menerangkan tempat turun ayat dan jumlah ayat daripada surah yang akan ditafsirkan. Contoh:

مكية واياتها سبع

6. Menuliskan ayat-ayat yang bakal ditafsirkan³⁵.

7. Kemudian pengarang akan menterjemahkan perkara 4 dan 5 yang tercatat di atas ke dalam bahasa Melayu.

8. Pada perkara 6 di atas, pengarang memberikan tajuk "الرتي" dalam tulisan Jawi dan kemudian menterjemahkan makna ayat-ayat yang tercatat³⁶.

9. Selepas itu, beliau meletakkan ". كتراعن".

10. Di dalam "keterangan", beliau membahagikan sub-sub topik sebanyak 1, 2 atau 3 sub topik bergantung kepada penafsiran yang ingin dikongsikan. Contoh³⁷:

(1) فرينته كقد بني اسرائيل سقاي منشوكوري نعمة

(2) فرينته سقاي منونيكن جنجي

11. Di dalam juzu' 1 ini, pengarang hanya memuatkan Surah al-Fatihah dan Surah al-Baqarah dari ayat 1 hingga ayat 141.

12. Selepas selesai menafsirkan ayat 141 dari Surah Al-Baqarah, pengarang memuatkan tajuk "Beberapa ayat daripada surah al-Baqarah yang mengandungi hukum" dalam tulisan jawi³⁸.

34 *Ibid.*, 5.

35 *Ibid.*, 6.

36 *Ibid.*, 11.

37 *Ibid.*, 36-37.

38 *Ibid.*, 112-116.

13. Penulisan di akhiri dengan meletakkan indeks bagi memudahkan para pembaca merujuk kitab ini.

Kenyataan di atas dapat dibuktikan apabila ulama-ulama tempatan seperti Syaykh Mustafa Abdul Rahman menerusi karyanya *Tafsir al-Quran al-Hakim*, Haji Yusuf Rawa karya *Tafsir al-Rawi*, Syaykh Abdullah Basmeih kitab *Tafsir Pimpinan al-Rahman* dan Syaykh Abu Bakar Asha'ari menerusi karya tafsirnya *Intisari Tafsir Juzuk 'Amma* yang terpengaruh dengan aliran pembaharuan Islam menjadikan *Tafsir al-Manar* dan *Tafsir al-Maraghi* sebagai rujukan dan panduan. Karya-karya ini memuatkan perbincangan yang menarik dengan tafsiran-tafsiran yang bersifat tajdid dan menyentuh isu-isu semasa yang dihadapi oleh umat Islam. Faktor ini dilihat mempengaruhi pemikiran ulama tempatan sehingga beberapa huraian dan tafsiran setiap karya tersebut dilihat mempunyai ciri-ciri persamaan dengan *Tafsir al-Manar* dan *Tafsir al-Maraghi* dan lain-lain. Hasilnya berlaku transmisi idea dari tokoh-tokoh itu ke dalam masyarakat tempatan.

2. Pemikiran Syaykh Mustafa Abdul Rahman.

Sebagaimana biografi Syaykh Mustafa yang dinyatakan sebelum ini, bahawa sejak kecil beliau berada dalam lingkungan keluarga yang taat dan kuat agama. Pendidikan model pondok yang didirikan oleh ayahnya telah memberikan sumbangan yang berharga dalam membentuk keperibadian termasuk juga pola pemikirannya. Syaykh Mustafa merupakan salah seorang tokoh atau ulama Nusantara yang berlatar belakang pendidikan hanya dalam peringkat lokal sahaja, kerana keinginannya untuk pergi belajar ke Universiti al-Azhar, Mesir tidak kesampaian. Menurut keterangan daripada isterinya, bahawa salah satu faktor utama yang menyebabkan beliau membatalkan hasratnya untuk menuntut ilmu ke Unuversiti al-Azhar, Mesir adalah faktor keluarga. Dimana waktu itu, setelah ayahnya wafat, Mustafa Abdul Rahman harus meneruskan kelangsungan pondok yang telah

didirikan oleh arwah ayahnya³⁹. Selain itu, sebagai anak sulung, beliau juga dibebankan untuk mengurus dan menjaga hidup keluarganya, sama ada dari sudut rohani atau jasmaninya. Walaupun beliau tidak ada kesempatan untuk belajar agama di Timur Tengah, wawasan dan pengetahuan agama Syaykh Mustafa cukup luas, bahkan melebihi kemampuan beberapa keluaran Timur Tengah pada saat itu.

Salah satu keunikan yang ada diri Syaykh Mustafa ini adalah aspek pemikirannya yang terbuka. Di mana pada umumnya, ulama-ulama tempatan yang tidak pernah menimba ilmu ke luar negara, pemikirannya masih di takuk lama dan tradisional, taklid serta fanatik terhadap golongan atau mazhab. Berbeza dengan Syaykh Mustafa, beliau telah mampu menerima idea-idea pembaharuan yang telah muncul di Nusantara. Gerakan *Islah* atau pembaharuan Islam ini muncul di Mesir dipelopori oleh beberapa tokoh seperti Jamaluddin al-Afghani, Syaykh Muhammad Abduh dan Sayyid Muhammad Rasyid Rida. Pembaharuan Islam ini diterima pemikirannya dan mendapat sambutan baik dari ulama dan masyarakat Nusantara, khususnya di Malaysia dan Indonesia⁴⁰.

Keadaan ini memberi ruang kepada pengarang *Tafsir al-Quran al-Hakim* menerima pengaruh luar khususnya Syaykh Muhammad Abduh dan Sayyid Muhammad Rasyid Rida menerusi *Tafsir al-Manar* dan beberapa karya yang tersebar di Tanah Melayu. Faktor-faktor ini antara dilihat mempengaruhi pemikiran Mustafa Abdul Rahman sehingga beberapa huraian dan tafsirnya dilihat mempunyai ciri-ciri persamaan dengan *Tafsir al-Manar*.

Berhubung kedudukan orang-orang yang mendengar bacaan al-Quran seperti yang dinyatakan dalam surah al-A'raf:(7)204, Syaykh Mustafa Abdul Rahman dengan bersandarkan pendapat Hasan al-Basri

39 Temu bual penulis bersama isteri Syeikh Mustafa Abdul Rahman di rumahnya, Segambut, Kuala Lumpur.

40 Mohd Sarim Hj. Mustajab (1977), Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki: Pelopor Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu, Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd., 3.

mengatakan, apabila al-Quran dibaca sama ada di dalam atau di luar sembahyang, maka bacaan itu wajib didengar dan mendinginkan diri⁴¹. Selain itu, pengarang Tafsir al-Quran al-Hakim turut merujuk *Tafsir al-Maraghi*⁴² dan tafsir-tafsir lain yang sealiran dengannya.

Di antara ciri gerakan islah yang diperjuangkan oleh tokoh-tokoh utamanya di Mesir adalah pemurnian aqidah Islam, iaitu berkenaan penolakan terhadap isu-isu bid'ah, khurafat, takhayyul dan taqlid buta atau fanatik terhadap mazhab. Oleh yang demikian, sikap keras yang diamalkan oleh Mustafa Abdul Rahman terhadap perkara bid'ah boleh dijumpai dalam bukunya *Syarh Hadith 40 Imam Nawawi*⁴³, iaitu ketika beliau mengupaskan hadith yang kelima berkaitan perkara mengada-ada dalam agama. Pemikiran aqidah Mustafa Abdul Rahman adalah murni aqidah Islam sebagaimana diajar oleh Rasulullah s.a.w. Gambaran aqidah Mustafa Abdul Rahman dapat dikesan dalam karya terjemahannya yang bertajuk *Kesejahteraan Dunia dan Agama*⁴⁴. Iaitu sebuah karya yang disusun oleh Imam al-Mawardi dalam kitab *Adab al-Dunya wa al-Din*. Untuk menghuraikan isi kandungan kitab ini, pengarang telah menggunakan kitab syarahnya yang bernama *Minhaj al-Yaqin*. Buku setebal 63 halaman ini diterbitkan oleh Syarikat al-Zainiah, Taiping. Buku ini membincangkan hubung kait antara kehidupan manusia, dunia dan agama⁴⁵.

Dalam bidang hadith, Syaykh Mustafa Abdul Rahman dikesan memiliki pandangan-pandangan tertentu dalam memilih hadith-hadith Rasulullah s.a.w. Di dalam buku karya hadithnya, Mustafa Abdul Rahman memberikan pandangan terhadap kitab hadith *Syarh Hadith 40 Imam Nawawi*. Beliau menjelaskan bahawa nilai hadith-hadith yang

41 Mustafa Abdul Rahman Mahmud (1949), Tafsir al-Quran al-Hakim, Penggal 9, Pulau Pinang: Persama Press, 66.

42 Menurut Haji Abdullah Fahim, karya Tafsir al-Quran al-Hakim banyak merujuk kepada Tafsir al-Maraghi. Lihat Mustafa Abdul Rahman (1959), Tafsir al-Quran al-Hakim, Penggal 1 : 2, 17, 24, 34, 86.

43 Mustafa Abdul Rahman, (1989) , Kitab Hadith 40 (Terjemahan dan Syarahnya), Dewan Pustaka Fajar, Kuala Lumpur, 36.

44 Mustafa Abdul Rahman (t.t), Kesejahteraan Dunia dan Agama, Op.cit.

45 *Ibid.*. 37.

terkandung di dalam kitab tersebut begitu tinggi dan kuat sehingga tidak dapat dinafikan lagi tentang kesahihannya. Begitu juga kedudukan hadith-hadith yang menjadi punca hukum dan diriwayatkan oleh ulama'-ulama' hadith yang berautoriti seperti Imam Bukhari, Imam Muslim dan Imam Tirmidhi⁴⁶. Beliau menambah, oleh kerana Imam Tirmidhi menjelaskan martabat sesebuah hadith yang diriwayatkannya seperti hadith *Hasan Sahih*, maka Syaykh Mustafa Abdul Rahman mengambil inisiatif untuk menyusun secara ringkas sebagai panduan awal kepada para pembaca mengenai *Ilmu Mustalah Hadith* yang menggariskan kaedah dalam menetapkan martabat sesebuah hadith.

Keilmuan yang ada pada Syaykh Mustafa Abdul Rahman, karyanya tidak terhad hanya satu-satu bidang sahaja, bahkan merangkumi pelbagai bidang antaranya bidang tafsir, sejarah, hadith, akhlak dan ekonomi. Beliau juga dibantu oleh Yusuf Rawa dalam menghasilkan karyanya. Syaykh Mustafa Abdul Rahman juga menjadi contoh yang baik kepada seluruh masyarakat tempatan pada waktu itu terutamanya kepada murid-muridnya.

Kesimpulan

Reformasi Syaykh Muhammad Abduh dan murid-muridnya dalam bidang ilmu khususnya tafsir al-Quran telah menarik perhatian umat Islam di rantau ini bagi mendalami ilmu agama. Hasil-hasil karya islah seperti *Tafsir al-Manar*, *Tafsir al-Maraghi* dan lain-lain mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan umat Islam. Hasilnya telah berlaku transmisi idea dari tokoh-tokoh itu ke dalam masyarakat setempat khususnya di Tanah Melayu.

Usaha terjemahan beberapa karya reformis Mesir dilakukan oleh ulama-ulama tempatan seperti Sayyid Syaykh al-Hadi, Haji Yusuf Rawa, Syaykh Abu Bakar Asha'ari, Mustafa Abdul Rahman dan rakan-rakannya jelas mewarnai senario pengajian tafsir. Malah karya asli masing-masing telah membawa aliran perbahasan yang sama

46 Mustafa Abdul Rahman, (1989), *Kitab Hadith 40* (Terjemahan dan Syarahnya), Op.cit. hlm. Muqaddimah.

seperti yang diperjuangkan oleh Tafsir al-Manar, Tafsir al-Maraghi dan lain-lain.

Kitab *Tafsir al-Quran al-Hakim* penulisan Syaykh Mustafa Abdul Rahman merupakan mata rantai kepada perjuangan islah di rantau Melayu dan pencapaian keilmuan yang dapat dimanfaatkan oleh generasi, sama ada pada masa kemunculannya atau sesudahnya untuk lebih memahami al-Quran al-Karim.

Rujukan

Che Hasmawati Che Awang (2004), Ustaz Mustafa Abdul Rahman: Sejarah Hidup Dan Sumbangannya Dalam Ilmu Hadith Di Malaysia, Dissertation, Kuala Lumpur; API Universiti Malaya.

Mohd Sarim bin Mustajab (1979) , Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu 1906 hingga 1948,dalam Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan.

Mohd Sarim Hj. Mustajab (1977) , Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki: Pelopor Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu, Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Mustafa Abdul Rahman (1954), Sejarah Ekonomi Islam, Pulau Pinang; Maktab Hj. Abdullah b. Muhammad Noordin al-Rawi.

Mustafa Abdul Rahman (1956), Kebudayaan Islam, Pulau Pinang; Daud Press.

Mustafa Abdul Rahman (t.t), Kesejahteraan Dunia dan Agama, Taiping: Syarikat al-Zainiah.

Mustafa Abdul Rahman , Tafsir Al-Quran Al-Hakim, Al-Yamani.

Mustafa Abdul Rahman, (1989) , Kitab Hadith 40 (Terjemahan dan Syarahnya), Dewan Pustaka Fajar, Kuala Lumpur.

Mustafa Abd al-Rahman Mahmud (1949), Tafsir al-Quran al-Karim, Perak, al-Yamani, Jilid Satu.

Nabir bin Hj. Abdullah (1976) , Maahad al-Ihya' al-Syarif Gunung Semanggol 1934-1959, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nabir Hj. Abdullah (1979), Perkembangan Pelbagai Aliran Islam Perak Dengan Kajian Khusus Berkenaan Il-Ihya' Al-Syariff, Gunung Semanggol, Bangi: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tajuddin Saman (1993), Tokoh Ulama' Nusantara, (t.t.p); Berita Publishing Sdn. Bhd.